

ANALISIS KESALAHAN TATABAHASA BAHASA ARAB DALAM KALANGAN PELAJAR DALAM PEMBELAJARAN ASAS BAHASA ARAB DI KOLEJ PROFESIONAL BAITULMAL KUALA LUMPUR (KPBKL)

Siti Nabilah Misnan

Tel: +60182088491 Email: sitinabilah@kpbkl.edu.my

Siti Syarwani Ghazali

Tel: +601128650852 Email: sitisyarwani@kpbkl.edu.my

Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur

ABSTRAK

Kesalahan bahasa merupakan fenomena yang seringkali berlaku dalam kalangan pelajar bukan penutur jati Bahasa Arab, terutamanya yang berkaitan dengan tatabahasa Arab (nahu). Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan metode analisis dokumen. Data dikumpul melalui sampel data peperiksaan akhir pelajar semester dua dari kalangan pelajar Diploma Pengajian Muamalat, iaitu hanya seramai 15 orang pelajar yang mengambil kursus asas bahasa Arab bagi kursus Bahasa Arab Muamalat (AFB2133) di Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur (KPBKL). Dapatan kajian mendapati bahawa kesalahan pemilihan *mufradat* (kosa kata) mencatatkan jumlah kesalahan paling tinggi iaitu sebanyak 23 kesalahan (56.1%). Diikuti kesalahan kedua paling tinggi iaitu kesalahan penggunaan *muzakkar muannath* (maskulin dan feminin) iaitu sebanyak 12 kesalahan (29.3%). Seterunya, kesalahan pada penggunaan *huruf jar* (kata sendi) yang sesuai iaitu sebanyak 5 kesalahan dengan peratus sebanyak 12.2% dan yang terakhir adalah kesalahan penggunaan *mubtada' khabar* (subjek prediket) iaitu sebanyak 1 kesalahan dengan peratusan sebanyak 24%. Justeru, kajian mencadangkan agar guru/pensyarah boleh menggabungkan beberapa teknik pengajaran yang lebih sesuai sebagai strategi pengajaran yang lebih efektif kepada pelajar yang mengambil kursus asas bahasa Arab. Penggunaan pelbagai kaedah dan teknik dapat membantu menghasilkan pembelajaran yang lebih berkesan.

Kata Kunci: *Kesalahan, tatabahasa Arab, pelajar, bahasa Arab*

PENGENALAN

Pengajaran dan pembelajaran bahasa asing kepada sesuatu kelompok masyarakat merupakan satu cabaran besar memandangkan bahasa asing itu merupakan bahasa kedua, ketiga, keempat atau lebih, apa lagi bahasa asing itu diajar kepada masyarakat yang berbagai peringkat umur. Perkara ini sudah tentunya memerlukan proses transformasi yang rumit. Begitu juga halnya bagi penutur bukan jati bahasa Arab. Pemerolehan bahasa baru ini sudah tentunya merupakan satu cabaran terhadap mereka dalam usaha mempelajari dan memahami kaedah tatabahasa Arab (nahu). Walaupun bahasa Arab sudah lama bertapak dan kini memasuki abad ke 21, namun pencapaian pelajar dalam subjek ini masih mendukacitakan. Rata-rata kajian yang dijalankan mendapati pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia masih belum mampu mencapai matlamat dan objektif yang sebenar

(Kamarulzaman Abdul Ghani 2010). Justeru, analisis kesalahan bahasa dilakukan bagi mengkaji tatabahasa Arab yang dibuat oleh pelajar bukan penutur jati, diuji secara pemerhatian atau eksperimen terhadap kesalahan-kesalahan yang wujud dalam bahasa sasaran yang dihasilkan oleh pelajar dan mencari penjelasan tentang punca-punca berlakunya kesalahan tersebut.

OBJEKTIF KAJIAN

Berikut adalah objektif kajian ini:

- i. Mengenalpasti kesalahan tatabahasa bahasa Arab dalam kalangan pelajar dalam pembelajaran asas bahasa Arab di Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur (KPBKL).
- ii. Mencadangkan penyelesaian menerusi dapatan kajian yang diperolehi melalui analisis kesalahan tatabahasa Arab pelajar Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur (KPBKL).

PERSOLAN KAJIAN

Penulis melihat agar pengkajian ini lebih terarah, maka perlu adanya persoalan kajian agar skop yang dikaji tidak terkeluar dari topik permasalahan yang ingin dibahaskan. Adapun persoalan kajian tersebut adalah seperti berikut:

- i. Apakah kesalahan tatabahasa bahasa Arab dalam kalangan pelajar dalam pembelajaran asas bahasa Arab di Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur (KPBKL)?
- ii. Apakah cadangan yang jitu yang boleh dicadangkan bagi menyelesaikan masalah kesalahan tatabahasa Arab pelajar Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur (KPBKL)?

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk analisis kandungan untuk mendapatkan data yang diperlukan. Bagi memastikan kebenaran maklumat yang diambil, data dikutip berdasarkan analisis dokumen terhadap kajian-kajian kesalahan tatabahasa Arab. Data dikumpul melalui sampel data peperiksaan akhir pelajar semester dua dari kalangan pelajar Diploma Pengajian Muamalat, iaitu hanya seramai 15 orang pelajar yang mengambil kursus asas bahasa Arab bagi kursus Bahasa Arab Muamalat (AFB2133) di Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur (KPBKL). Sampel yang diambil adalah menerusi data soalan membina lima ayat mudah (ayat tunggal) bahasa Arab, tidak mengira samaada melalui ayat yang dimulakan dengan kata nama (*jumlah ismiyyah*) mahupun ayat yang dimulakan dengan kata kerja (*jumlah fi'liyyah*). Untuk membina ayat tunggal berdasarkan gambar tersebut, gambar yang dipilih oleh penyedia soalan adalah gambar bagi situasi di pasar.

Seterusnya, melalui kajian ini, data-data yang dikumpul dan diperolehi dianalisis dengan menggunakan beberapa jenis pendekatan menerusi analisis kandungan. Analisis data dalam kajian ini melibatkan proses penelitian data, ringkasan dan penyusunan data. Sehubungan dengan itu, kajian ini menggunakan pendekatan deskriptif. Namun begitu, dinyatakan di sini bahawa penulis hanya memfokuskan empat aspek tatabahasa sahaja, iaitu

bagi analisis kekerapan kesalahan yang lazim dilakukan oleh pelajar asas bahasa Arab di Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur, iaitu kesalahan tatabahasa pada perkara-perkara berikut:

- i. Penggunaan jantina *muzakkar muannath* (maskulin dan feminin)
- ii. Penggunaan *mubtada' khabar* (subjek prediket)
- iii. Pemilihan *mufradat* (kosa kata)
- iv. Pemilihan *huruf jar* (kata sendi)

ILMU TATABAHASA ARAB (NAHU)

Tatabahasa Arab (nahu) dilihat suatu ilmu yang agak kompleks kerana ia mempunyai ciri-ciri bentuk yang lebih banyak berbanding dengan ciri-ciri makna sama ada dari sudut strukturnya sendiri mahupun penyusunannya. Malah, kaedahnya sangat banyak dan padat. Tuntutan untuk mempelajari dan memahami ilmu nahu sangat penting sekiranya mahu mempraktikkan bahasa Arab dengan urutan dan kaedah bahasa yang betul. Menurut Zabyah al-Saliti dalam kajian Mohd Zaini (2012) tujuan utama daripada pembelajaran nahu itu supaya dapat menggunakan ungkapan yang betul dan pertuturan yang selamat.

Ilmu nahu juga seperti menurut Mat Taib Pa dalam kajian Awaluddin (2013) adalah kaedah atau rumus yang dengannya dapat digunakan bahasa dengan betul, walaupun tanpa menggunakan istilah yang khusus. Oleh itu, nahu merupakan wasilah atau cara, bukannya *ghayat* atau tujuan. Seseorang yang tahu bahawa ayat *هذا الطالب* adalah salah dan dia dapat membetulkannya dengan *هذه الطالبة* walaupun dia tidak mengetahui istilah *isim isharat muzakkar* atau *muannath*, sebenarnya dia mengetahui nahu bahasa Arab mengenai perkara tersebut. Nahu merupakan satu ilmu yang merangkumi apa sahaja kaedah dan rumus yang membantu seseorang menggunakan bahasa dengan betul, termasuklah kaedah-kaedah *sarf*.

Menurut Ibn Khaldun pula dalam *Muqaddimah*, ilmu nahu merupakan cabang utama dalam mempelajari bahasa Arab dan salah satu dari empat rukun yang amat penting untuk memahami al-Quran, sunnah dan hukum-hukum syariah. Justeru, kegagalan menguasai ilmu ini mampu menjejaskan pemahaman seseorang walaupun hanya sepotong ayat. Dapat difahami bahawa mempelajari nahu adalah signifikan kerana ia merupakan salah satu cara untuk memahami maksud al-Quran (Janudin Sardi 2009).

Berdasarkan huraian-huraian di atas, dapat difahami bahawa ilmu tatabahasa Arab sangat berperanan penting dalam membentuk sebuah kalimah menjadi jelas. Ia juga merupakan ilmu yang memperbincangkan dasar-dasar dan proses-proses pembentukan susunan kata menjadi kalimah dan suatu ilmu yang penting dipelajari bagi memahami Islam secara menyeluruh.

KESALAHAN TATABAHASA BAHASA ARAB

Shawqi Daif menyatakan sebab-sebab penciptaan ilmu nahu Arab, penulisan huruf-huruf Arab dan tanda-tanda bacaan untuk membezakan sebutan di antara huruf-huruf Arab adalah di sebabkan terdapat kesalahan berbahasa di kalangan bangsa Arab di zaman Rasulullah SAW (Solehah Yaacob 2014).

Seterusnya, dapat dilihat bahawa kesalahan struktur bahasa atau penggunaan tatabahasa merupakan antara faktor yang menyebabkan para pelajar menghadapi kesukaran untuk bertutur dalam bahasa kedua atau bahasa asing. Azani, Azman & Mat Taib (2012)

menyatakan, terdapat beberapa kesalahan struktur bahasa yang dilakukan oleh pelajar semasa bertutur dalam bahasa Arab iaitu penggunaan yang salah bagi istilah *idhafah*, kata tunjuk, kata kerja, subjek dan predikat, kata nama am dan nama khas serta kesalahan morfologi. Kesalahan struktur bahasa ini mungkin disebabkan oleh kekurangan pengetahuan tentang penggunaan sesuatu prosedur tatabahasa atau pun morfologi dalam bahasa Arab.

Perkara tersebut dilihat berpunca dari penguasaan bahasa Arab yang amat lemah dalam kalangan pelajar Melayu (Mat Taib & Mohd Rosdi Ismail 2006). Masalah ini juga mungkin berlaku tanpa disedari dalam kalangan penutur kerana mereka kurang mengambil berat tentang penggunaan perkataan atau ayat bahasa Arab yang digunakan (Nadwah Daud & Nadhilah Abdul Pisal 2014).

Manakala, menurut Muslikhah Z. (2014) dalam kajiannya menyatakan kesalahan nahu mencakupi kesalahan dari segi *i'rab* (fleksy), penggunaan isim *dhamir* (kata ganti nama), penggunaan isim *mausul* (kata nama hubung), penggunaan huruf *mudhara'ah* (huruf-huruf kata kerja), penggunaan *mufrad-tathniyyah-jama'nya* (tunggal, duaan dan plural), penggunaan *muzakkar* dan *muannath* (jantina), dan penggunaan *al ta'rif* (alif dan lam pada kalimah).

Justeru, penulis melihat di sini bahawa terdapat keterkaitan antara kesalahan tatabahasa Arab dengan kebolehan menulis bahasa Arab. Pun begitu, kemahiran dalam berbahasa Arab bukan semata berdasarkan bakat semulajadi yang dikuasai pelajar, namun ia adalah berdasarkan penguasaan kemahiran menulis pelajar-pelajar. Ini ditambah lagi dengan pengaruh dalam pengajaran menulis yang bersistem dan berkesan bertepatan dengan pandangan Ahmad Khair Mohd. Nor (2005).

ANALISIS KESALAHAN


Analisis kesalahan bahasa dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa adalah penting. Kajian seperti ini bertujuan untuk mengenalpasti kelemahan pelajar dalam penguasaan bahasa yang dipelajari itu agar dapat difikirkan langkah-langkah yang sesuai untuk mengatasi masalah tersebut. Menurut Corder dalam kajian Zaliza Mohamad Nasir (2017) melakukan kesalahan merupakan satu strategi yang digunakan oleh pelajar dalam pembelajaran bahasa, sama ada bahasa pertama mahupun bahasa kedua. Kesalahan juga berlaku kerana terdapat banyak peraturan yang ada pada sesuatu bahasa, baik yang formal mahupun yang tidak formal.

Menurut D. A. Wilkins dalam kajian Ab. Halim Mohamad & Mohd Azidan Abdul Jabar (2017) pula memberi tiga punca kesalahan, iaitu pemindahan dari bahasa ibunda (*transfer from mother-tongue*), tahap penguasaan tatabahasa dan generalisasi melampau (*grammatical level & over-generalization*) serta sistem tatabahasa (*grammatical systems*). Selain itu, berdasarkan dapatan kajian Abisamra mendapati pelajar melakukan kesalahan disebabkan gangguan bahasa ibunda, namun kesalahan yang paling banyak dilakukan pelajar adalah kerana kesalahan intralingual (Mohamad Rofian et.al 2014).

ANALISIS KAJIAN DAN PERBINCANGAN

	JENIS KESALAHAN	KEKERAPAN	PERATUS%
1	Penggunaan <i>mubtada' khabar</i> (subjek prediket)	1	2.4%
2	Penggunaan <i>muzakkar muannath</i> (maskulin dan feminin)	12	29.3%
3	Pemilihan <i>mufradat</i> (kosa kata)	23	56.1%
4	Pemilihan <i>huruf jar</i> (kata sendi)	5	12.2%
	JUMLAH	41	100%

Jadual 1 : Analisis kesalahan tatabahasa bahasa arab



Graf 1 : Analisis kesalahan tatabahasa bahasa Arab

Berdasarkan jadual dan graf di atas, didapati kesalahan pemilihan *mufradat* mencatatkan jumlah kesalahan yang paling tinggi iaitu sebanyak 23 kesalahan (56.1%). Diikuti kesalahan kedua paling tinggi iaitu kesalahan penggunaan jantina *muzakkar muannath* iaitu sebanyak 12 kesalahan (29.3%). Seterunya, kesalahan pada penggunaan *huruf jar* yang sesuai iaitu sebanyak 5 kesalahan dengan peratus sebanyak 12.2%. Manakala, akhir sekali adalah kesalahan penggunaan *mubtada' khabar* merupakan kesalahan paling sedikit dilakukan oleh pelajar iaitu sebanyak 1 kesalahan iaitu sebanyak 2.4%. Justeru, berikut adalah perbincangan yang penulis panjangkan berdasarkan jadual dan graf di atas, iaitu:

- i. **Kesalahan Penggunaan Jantina *Muzakkar Muannath* (Maskulin dan Feminin)**

Pengelompokan kata benda (*isim*) bahasa Arab ke dalam jenis *muzakkar* dan *muannath* kerap kali menjadi sumber pemahaman yang terkesan dalam perbahasan ilmu bahasa Arab. Penggolongan ini merupakan salah satu karakteristik bahasa Arab yang berbeza dengan bahasa lainnya (Agung Setiyawan 2014). Justeru, *muzakkar* adalah kata yang menunjukkan jenis maskulin atau yang dianggap maskulin sedangkan *muannath* adalah kata yang menunjukkan jenis feminin atau yang dianggap feminin. Maskulin dan feminin dalam bahasa Arab juga masing-masing dari dibahagi lagi kepada *maskulin haqiqi* dan *majazi*, serta *feminin lafzi*, *ma'nawi*, *haqiqi* dan *majazi*.

Jadual 2 menunjukkan kesalahan jantina *muzakkar muannath* (maskulin dan feminin).

SAMPEL 5	Kesalahan <i>muzakkar muannath</i>	يشترى أمي لحما ودجاجا
	Penggunaan <i>muzakkar muannath</i> yang betul	تشتري أمي لحما ودجاجا

Jadual 2 : Kesalahan jantina *muzakkar muannath* (maskulin dan feminin)

Menerusi sampel di atas, pelajar melakukan kesalahan penggunaan jantina maskulin pada kalimah *fe'el* (kata kerja) iaitu *يشترى* adalah bertentangan dengan jantina *fa'elnya* (pelaku) iaitu *أمي*. Justeru, dalam kaedah bahasa Arab antara kata kerja dan pelaku harus disesuaikan berdasarkan *tazkir* dan *ta'nith*, *mufrad*, *mutsanna*, dan *jamaknya*.

ii. Kesalahan Penggunaan *Mubtada' Khabar* (Subjek Prediket)

Mubtada' dan *khabar* adalah salah satu kaedah bahasa Arab yang sangat penting untuk difahami dan dipelajari oleh penuntutnya dalam bahagian sintaksis (nahu) seperti halnya dengan kaedah-kaedah lainnya seperti *fa'el*, *na'ibul fa'el* dan lain-lain. Ada dua unsur penting dalam pembentukan *jumlah ismiyyah* iaitu *mubtada'* dan *khabar*. Justeru, *mubtada'* dan *khabar* adalah dua *isim* yang membentuk susunan *jumlah ismiyyah* (kalimah sempurna). *Mubtada'* harus didahulukan dan *khabar* diakhirkan mengingat kedudukan *khabar* adalah sebagai penjelas bagi *mubtada'*, namun adakalanya *khabar* mendahului *mubtada'*. Menurut Lu'lu' Suraya (2012) mahasiswa sering mengalami kesulitan dalam mempelajari suatu bahasa (dalam hal ini bahasa Arab), sehingga terjadi suatu kesalahan. Kesalahan tersebut terjadi kerana mahasiswa tidak menguasai aturan-aturan, kaedah-kaedah dan pola-pola bahasa secara sempurna. Salah satu kesalahan yang dilakukan oleh mahasiswa adalah kesalahan penggunaan *mubtada'* dan *khabar*.

Jadual 3 menunjukkan kesalahan *mubtada' khabar* (subjek prediket)

SAMPEL 9	Kesalahan <i>mubtada' khabar</i>	سوق كبير جدا
	Penggunaan <i>mubtada' khabar</i> yang betul	السوق كبير جدا

Jadual 3 : Kesalahan *mubtada' khabar* (subjek prediket)

Berdasarkan ayat dalam jadual 3 di atas, didapati pelajar membuat kesilapan pada kalimah *mutada* (سوق) apabila kalimah tersebut ditulis tanpa *alim lam* (ال). Ini kerana hukum bagi *mubtada* adalah *ma'rifah*. Manakala *khbar* pula pada dasarnya pula haruslah *nakirah* dan secara umumnya, *mubtada* dikenali dengan adanya *alif lam* (ال).

iii. Kesalahan Pemilihan Mufradat (Kosa Kata)

Frasa nama ialah binaan yang dari sudut nahu boleh terdiri daripada satu perkataan atau beberapa perkataan yang boleh berfungsi sebagai satu konstituen dalam binaan ayat (Siti Baidura & Nurul Jamilah 2011). Menurut Rosni Samah dalam kajian Mohamad Rofian et.al (2014) menyatakan bahawa pelajar lemah dalam membina ayat sendiri dalam penulisan karangan kerana mereka tersalah memilih perkataan yang tepat untuk menggambarkan sesuatu makna.

Manakala menurut Che Radiah Mezah (2009) telah menjelaskan bahawa perbendaharaan kosa kata memainkan peranan yang sangat penting untuk berkomunikasi sama ada secara lisan mahupun tulisan. Penguasaan bahasa dilihat berkait rapat dengan jumlah kosa kata yang dikuasai kerana ia memberi kesan kepada kefahaman dalam bacaan, kepetahan bertutur dan kemahiran menulis.

Jadual 4 menunjukkan kesalahan *mufradat* (kosa kata)

SAMPEL 8	Kesalahan <i>mufradat</i>	حملت زينب الأشياء
	Penggunaan <i>mufradat</i> yang betul	حملت زينب الأغراض

Jadual 4: Kesalahan *mufradat* (kosa kata)

Jadual di atas menunjukkan penggunaan kosa kata pada kalimah (الأشياء) yang kurang sesuai bagi mewakili makna barang-barang (bagi situasi di pasar). Menurut Mu'jam al-Wasit (2004), kalimah الأشياء adalah *jamak* bagi الشيء yang memberi makna *الموجود وما يتصور ويخبر* yang memberi makna *يخبر* iaitu sesuatu yang wujud dan dapat digambarkan diceritakan tentangnya. Didapati ianya memberi makna yang sangat umum. Justeru, kalimah yang lebih tepat dan sesuai mengikut konteks ayat bagi situasi di pasar yang merujuk kepada barang-barang adalah dengan menggunakan kalimah (الأغراض). Kalimah الأغراض seperti mana dalam *Mu'jam al-Wasit* (2004) bermaksud *الأمثلة والحوائج* yang bermaksud barang-barang keperluan.

iv. Kesalahan Pemilihan Huruf Jar (Kata Sendi)

Huruf merupakan bahagian terkecil dari suatu bahasa, dalam bahasa Arab huruf terdiri dari 28 huruf yang dikenal dengan huruf *hijaiyyah*. Namun, huruf yang dibahaskan di sini adalah *huruf jar* (partikel jar). *Huruf jar* adalah huruf yang menyebabkan *isim* yang ada selepasnya wajib dalam keadaan *jar/khafd*. Menurut al-Ghalayini (2000), semua *huruf jar* akan membuat *اسم* (kata nama), huruf terakhirnya berbaris *kasrah* (bawah) bagi bentuk tunggal (مُفْرَد) atau dalam bentuk جمع التكسير mahupun جمع المؤنث السالم. Mankala bagi bentuk مُنْتَهَى (bentuk dua), huruf terakhirnya berbentuk *ين* dan bagi bentuk جمع المذكر السالم atau bermakna ramai untuk

lelaki, huruf terakhirnya berbentuk **يُنْ**. Kata sendi juga merupakan aspek yang penting dalam bahasa Arab dan sekaligus menjadi salah satu punca kesalahan berbahasa khususnya dalam kalangan pelajar bukan penutur asli (Mohd Shahrman Abu Bakar et.al 2015).

Jadual 6 menunjukkan kesalahan *huruf jar* (kata sendi)

SAMPEL 6	Kesalahan <i>huruf jar</i>	بحث المعلمة <u>يُنْ</u> الفواكه
	Penggunaan <i>huruf jar</i> yang betul	بحثت المعلمة عن الفواكه

Jadual 6 : Kesalahan huruf jar

Menerusi sampel 6 ini, didapati kesalahan yang dilakukan oleh pelajar adalah berkaitan dengan pengguguran *huruf jar* dalam ayat. Pemilihan kata **بحث** (mencari) perlu diiringi selepasnya dengan partikel *jar* **عن**.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar kursus Bahasa Arab Muamalat (AFB2133) melakukan kesalahan tatabahasa dalam aspek penggunaan jantina *muzakkar muannath* (maskulin dan feminin), penggunaan *mubtada' khabar* (subjek prediket), pemilihan *mufradat* (kosa kata) dan pemilihan *huruf jar* (kata sendi) dalam pembinaan ayat mudah (ayat tunggal) yang dihasilkan mereka. Ringkasnya adalah seperti berikut:

1. Didapati kesalahan pemilihan *mufradat* mencatatkan jumlah kekerapan yang paling tinggi iaitu sebanyak 23 kesalahan (56.1%). Dapatan kajian ini selaras dengan dapatan kajian Mohamad Rofian et.al (2014).
2. Diikuti kesalahan kedua paling tinggi iaitu kesalahan penggunaan jantina *muzakkar muannath* sebanyak 12 kesalahan (29.3%). Ini sebagaimana menurut Rosni Samah (2012) yang menyatakana kesalahan adalah disebabkan oleh kekeliruan pelajar dalam membezakan sistem gender (jantina) dan *dhamir* dalam tatabahasa nahu Arab.
3. Kesalahan pada penggunaan *huruf jar* yang sesuai adalah sebanyak 5 kesalahan dengan peratusan 12.2%. Dapatan ini disokong dengan melalui kajian Mohd Shahrman Abu Bakar et.al 2015) yang menyatakan bahawa kata sendi juga merupakan aspek yang penting dalam bahasa Arab dan sekaligus menjadi salah satu punca kesalahan berbahasa khususnya dalam kalangan pelajar bukan penutur asli.
4. Kesalahan penggunaan *mubtada' khabar* merupakan kesalahan paling sedikit dilakukan oleh pelajar iaitu sebanyak 1 kesalahan iaitu sebanyak 24%. Dapatan ini disokong dengan kajian Lu'lu' Suraya (2012) yang menyatakan bahawa mahasiswa tidak menguasai aturan-aturan, kaedah-kaedah dan pola-pola bahasa secara sempurna, menyebabkan sering membuat kesalahan dan salah satu kesalahan yang dilakukan oleh mahasiswa adalah kesalahan penggunaan *mubtada' dan khabar*.

CADANGAN KAJIAN

Berdasarkan hasil kajian, kesalahan yang paling kerap dan berulang kali dilakukan oleh pelajar adalah pada kesalahan *mufradat*. Pelajar menghadapi kesukaran dalam membina ayat lengkap (ayat tunggal) dalam bahasa Arab yang seterusnya memberi kesan kepada keputusan

peperiksaan. Rosni Samah (2013) mencadangkan lima aspek yang perlu diberi penekanan dalam membantu pelajar menguasai kosa kata iaitu pemilihan perkataan, menterjemah perkataan, penerangan makna perkataan, pengukuhan perkataan dan penggunaan perkataan. Manakala Mohd Zulkifli Muda et. al (2015) mencadangkan pendekatan hafazan al-Quran sebagai mekanisma komprehensif. Antara langkah yang dapat dipertingkatkan adalah melalui kata serapan bahasa Melayu yang terdapat dalam al-Quran, kalimah-kalimah isim (isim *Jamid*, isim yang boleh di *isytiqaq* kepada *fe'el*, *idhafat*, kata sifat, zaraf zaman), dan *fe'el -fe'el* (*madhi*, *mudhori*, *amar*).

Justeru, bagi meningkatkan pencapaian pelajar, perkara ini perlu ditangani dengan melihat kaedah-kaedah yang bertetapan dan sesuai yang boleh dipraktikkan kepada pelajar bukan penutur jati bahasa Arab. Berikut adalah cadangan penambahbaikan pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas yang boleh diaplikasikan kepada pelajar penutur bukan jati Bahasa Arab.

i. TEKNIK MNEMONIK

Mnemonik merupakan satu kaedah untuk membantu memori menyimpan maklumat atau informasi yang telah dipelajari. Menurut Maizan binti Mat@Muhammad (2017) kegagalan individu untuk menguasai sesuatu ilmu bukanlah disebabkan oleh ketidakupayaan kognitif mereka, tetapi lebih berpunca kepada pemilihan strategi kognitif yang mereka gunakan. Satu teknik yang berkesan dalam meningkatkan keupayaan ingatan individu adalah teknik mnemonik. Teknik ini menjadikan proses mengingat sesuatu akan menjadi lebih mudah. Menurut teknik mnemonik yang diterapkan dalam kajian ini adalah teknik akronim, teknik kata kunci, teknik loci, teknik akrostik, dan teknik pasak. Aisah Hasmam (2018) dalam kajiannya pula menyatakan, strategi mengingat kosa kata bahasa Arab boleh dilakukan melalui kaedah mnemonik, iaitu melalui teknik mnemonik kata kunci, teknik mnemonik simbol dan teknik mnemonik persamaan bunyi. Menurutnya lagi, kata kunci merupakan salah satu bahagian dari penerapan strategi mnemonik yang paling tepat digunakan untuk meningkatkan penguasaan kosa kata bahasa asing.

Berikut merupakan kaedah pelaksanaan teknik mnemonik menurut Fleisher iaitu dimulakan dengan langkah pertama iaitu guru menyampaikan pengetahuan sebelum melakukan teknik mnemonik. Guru terlebih dahulu menerangkan bahan-bahan secara keseluruhan yang diajarkan kepada pelajar di kelas. Kemudian pada masa pengenalan kosa kata baru, guru menjelaskan tentang teknik mnemonik untuk memudahkan pelajar mengingat pembelajaran. Seterusnya guru menjelaskan kepada pelajar bahawa mereka perlu mengambil huruf tengah, atau akhir dan huruf depan dalam sebuah kata yang disusun. Langkah lain, guru perlu menyusun fakta menjadi teknik mnemonik yang sesuai dengan topik. Pelajar perlu membaca dan menghafal fakta berdasarkan teknik yang disampaikan. Seterusnya langkah penilaian menyatakan bahawa pada tahap ini guru membuka ruang untuk pelajar bersoal jawab (Mohd Romei Ngah et.al 2016).

ii. TEKNIK *IMLA'*

Teknik *imla'* merupakan satu instrumen yang boleh digunakan untuk menilai kemampuan pelajar dalam kemahiran menulis. Guru/pensyarah akan membaca sebanyak dua atau tiga kali beberapa perkataan, frasa atau ayat dalam bahasa Arab di hadapan kelas, seterusnya para pelajar dikehendaki mengejanya menggunakan tulisan Arab di atas kertas yang telah disediakan (Suzzana Othman & Ahmad Harith Syah Md Yusuf 2012). Kaedah ini dalam

membantu pelajar menguasai kemahiran menulis bahasa Arab. Selain itu, melalui teknik ini, ia juga digunakan untuk melatih atau menguji kemahiran mendengar pelajar. Untuk melaksanakan teknik ini, ia melibatkan pembelajaran secara koperatif iaitu antara pendengar dan penerima.

KESIMPULAN

Namun begitu, kebanyakan pelajar bukan penutur jati bahasa Arab masih lemah dalam penguasaan tatabahasa bahasa Arab. Faktor-faktor yang membawa kepada kelemahan yang akhirnya menjadi punca kepada kesalahan pelajar dalam kemahiran berbahasa Arab ini perlu ditangani dengan segera supaya sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung dengan lebih efektif. Penekanan dalam pelbagai kemahiran Bahasa Arab perlu diambil perhatian, termasuklah dalam kemahiran menulis. Kemahiran menulis ini berada ditingkat kemahiran yang terakhir, namun kemahiran ini juga sama penting dengan kemahiran bahasa lainnya. Justeru, guru/pensyarah hendaklah mencari idea-idea yang berinovasi yang mampu memberi impak yang besar dalam meningkatkan pencapaian pelajar terutamanya dalam kemahiran menulis. Meskipun setiap pendekatan dan kaedah mempunyai teknik pengajaran yang tertentu, seseorang guru/pensyarah boleh menggabungkan beberapa teknik pengajaran yang sesuai sebagai strategi pengajaran kepada pelajar yang mengambil kursus asas bahasa Arab. Penggunaan pelbagai kaedah dan teknik dapat membantu menghasilkan pembelajaran yang lebih berkesan.

RUJUKAN

- Ab. Halim Mohamad & Mohd Azidan Abdul Jabar. (2017). Faktor Kesalahan Bahasa Yang Mempengaruhi Pelajar Melayu Dalam Mempelajari Bahasa Arab. *Jurnal AL-ANWAR*, Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur (PBMITT). Volume 1(3), June 2017: 21-32.
- Agung Setiyawan. (2014). Mudzakkar dan Muannats: Sumber Pendidikan Islam Bias Gender. *Jurnal Pendidikan Islam*. Volume III, no 2, Desember 2014/1436
https://www.academia.edu/13731554/Mudzakkar_dan_Muannats_Sumber_Pendidikan_Islam_Bias_Gender.
(akses pada 22 Mac 2019)
- Ahmad Khair Mohd Noor. (2005). Menulis Membina Ketrampilan Berfikir. *Pelita Bahasa*, Julai 18 (7): 12-14.
- Aisah Hasnam. (2018). Strategi Mengingat Kosa Kata Bahasa Arab Melalui Kaedah Mnemonik. *Prosiding Seminar Penyelidikan Pendidikan Antarabangsa (SPPA) 2018*.
- al-Ghalayini, Mustafa. (2000). *Jami al-Durus al-'Arabiyyah*. Jilid 3. Bayrut: al-Maktabah al-Ashriyyah.
- Awaluddin. (2013). *Aplikasi Nahu Dalam Komunikasi Bahasa Arab*. Fakulti Bahasa Dan Linguistik. Ijazah Sarjana Universiti Malaya: Kuala Lumpur.
- Azani Ismail @ Yaakub. Azman Che Mat & Mat Taib Pa. (2012). Membina Kemahiran Pertuturan Menerusi Aktiviti Lakonan Dalam Pengajaran Bahasa. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. 12(1), 325-337.

- Che Radiah Mezah (2009). Kesilapan Leksikal Dalam Pembelajaran Bahasa Arab. Serdang. Selangor Darul Ehsan: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Janudin Sardi. (2009). Pembelajaran Nahu dalam Bahasa Arab Komunikasi Menggunakan Aplikasi Multimedia Berasaskan Web. Ijazah Sarjana. Universiti Malaya: Kuala Lumpur.
- Kamarulzaman Abdul Ghani. (2010). Kebolehbacaan Buku Teks Bahasa Arab Tinggi Tingkatan Empat Sekolah Menengah Kebangsaan Agama. Tesis PhD. Universiti Malaya: Kuala Lumpur.
- Lu'lu' Surya, LM. (2012). Analisis Kesalahan Penggunaan Muftada' dan Khabar Terhadap Hasil Karangan Mahasiswa pada Mata Kuliah. Universiti Negeri Semarang. <https://lib.unnes.ac.id/11699/> (akses pada 7 Mac 2019)
- Maizan Binti at@Muhammad . (2017). Teknik Mnemonik Sebagai Strategi Kognitif Dalam Meningkatkan Keupayaan Ingatan Pelajar Peringkat Pengajian Pra-U: Sorotan Kajian Lepas. National Pre University Seminar 2017 (Npreus2017). 309-317
- Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah. (2004). al- Mu'jam al-Wasit. cet. 4. Mesir: Maktabah al-Syuruq al-Dauliyyah.
- Mat Taib & Mohd Rosdi Ismail. (2006). Pengajaran dan Pembelajaran bahasa Arab di Malaysia. Penerbit Universiti Malaya.
- Mohamad Rofian Ismail, Ahmad Redzaudin Ghazali, Khairatul Akmar Abdul Latif & Nor Effendy Ahmad Sokri. (2014). Analisis Kesalahan Nahu Bahasa Arab Dalam Karangan Pelajar Kursus Pengukuhan Bahasa Arab. International Research Management And Innovation Conference 2014. 295-310. <http://rmc.kuis.edu.my/irmic/e-proceedings/irmic-2014-e-proceeding/> (akses pada 5 Mac 2019)
- Mohd Romei Ngah, Harun Baharudin & Mohd Aderi Che Noh. (2016). Teknik Pembelajaran Mnemonik Dalam Pendidikan Islam Tingkatan Empat. Prosiding Wacana Pendidikan Islam Siri ke 11 (WPI11). 1162- 1171.
- Mohd Shahrman Abu Bakar, Noor Hisham Md Nawawi & Ahmad Abdul Rahman. (2015). Projek Kamus Penggunaan Kata Sendi Bahasa Arab. https://www.researchgate.net/publication/330114680_Projek_Kamus_Penggunaan_Kata_Sendi_Bahasa_Arab (akses pada 27 Mac 2019)
- Mohd Zaini Bin Sejo. (2012). Penekanan Ilmu Morfologi Dalam Buku Teks Bahasa Arab Kurikulum Baru Sekolah Menengah. Persidangan Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012. 190-205.
- Muhammad Zulkifli Muda, Harun Baharudin & Siti Fatimah Salleh. (2015). Kaedah Penguasaan Mufradat Bahasa Arab Melalui Ayat Lazim Berasaskan Hafazan Al-Quran: Tinjauan Awal. Dalam International Seminar on Al-Quran in Contemporary Society 10 & 11 Oktober.
- Muslikah, Z. (2014). Analisis Kesalahan Buku Contoh-Contoh Pidato 3 Bahasa Karangan Muhammad Azhar. SKRIPSI Jurusan Sastra Arab-Fakultas Sastra UM, 2014(2014).

- Nadwah Daud & Nadhilah Abdul Pisal. (2014). Permasalahan Pertuturan Dalam Bahasa Arab Sebagai Bahasa Kedua. *GEMA Online® Journal of Language Studies* 117. Volume 14(1), 117-134.
- Rosni Samah. (2012). Pembinaan Ayat Bahasa Arab Dalam Kalangan Lulusan Sekolah Menengah Agama. *Arabic Sentences Construction Among The Islamic Religious School Graduates. GEMA Online Journal of Language Studies*, 12, 555–569.
- Rosni Samah. (2013). Kaedah Pengajaran Kosa Kata Bahasa Arab Untuk Pelajar Bukan Arab. Negeri Sembilan: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Siti Baidura & Nurul Jamilah (2011). Analisis Kesalahan Tatabahasa Bahasa Melayu dalam Karangan Pelajar Asing di Sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam. 2nd International Language Conference 2011.
<http://irep.iium.edu.my/6212/>
(akses pada 2 Mac 2019)
- Solehah Yaacob. (2014). Kefahaman Nahu Arab Dan Sejarah Perkembangannya Dalam Menentukan Penggunaan Kalimah Allah. *glit E-Journal Language Practice & Information Technology* 2014.
- Suzzana Othman & Ahmad Harith Syah Md Yusuf. (2012). Kaedah Transliterasi: Strategi Pembelajaran Bahasa Dalam Menguasai Kemahiran Menulis Bahasa Arab. *Proceedings Of The 2nd. International Conference On Arts, Social Sciences & Technology. I2091* (1-12).
- Tajudin Nur. (2016). Analisis Kontrastif Dalam Studi Bahasa. *Journal of Arabic Studies*, 1 (2), 2016, 64-74
https://www.researchgate.net/publication/315908045_ANALISIS_KONTRASTIF_DALAMSTUDI_BAHASA
(akses pada 2 Mac 2019)
- Zaliza Mohamad Nasir. (2017). Kesalahan Tatabahasa Bahasa Melayu dalam Penulisan Karangan Pelajar. *LSP International Journal*, Vol. 4, Issue 1, 23–35.